



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS KONVOKESYEN KEMAHIRAN MALAYSIA PENGIKTIRAFAN
PENCAPAIAN TERDAHULU (SKM-PPT)
KEMAS

DEWAN LESTARI, ARAS B1,
KKLW

27 JULAI 2017 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama berkumpul sempena **Majlis Konvokesyen Kemahiran Malaysia-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) KEMAS** pada pagi ini.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan KEMAS kerana sudi menjemput saya ke Majlis Konvokesyen pada pagi ini. Saya berasa gembira dan bangga kerana dapat bersama-sama meraikan kejayaan para penerima Sijil SKM dalam Majlis Konvokesyen ini. Tahniah saya ucapkan kepada semua penerima yang **telah membuktikan keterampilan** yang digariskan di dalam **Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)** berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki bagi membolehkan tuan/puan memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada pagi ini.
3. Semoga ianya dapat dijadikan penyuntik semangat dan pendorong kepada semua peserta untuk terus maju dan sukses dalam apa jua bidang yang diceburi pada masa hadapan.

Para Hadirin Sekalian,

4. Kerajaan hari ini telah mengiktiraf bidang teknik, vokasional dan kemahiran bagi melahirkan lebih ramai golongan teknokrat dan berkemahiran sebagai asas pembentukan negara maju pada tahun 2020. Kementerian turut menyedari hakikat betapa pentingnya modal insan mahir dalam menyediakan pembentukan negara bangsa dan pertumbuhan ekonomi mapan selaras dengan matlamat transformasi Malaysia ke aras negara berpendapatan tinggi. Latihan kemahiran negara perlu dipertingkatkan sekiranya Malaysia berhasrat melahirkan modal insan yang mampu berkembang maju dan bersaing di peringkat global.

5. Program kemahiran anjuran KEMAS dan agensi-agensi KKLW merupakan satu manifestasi dan komitmen Kementerian untuk memberi peluang kepada masyarakat menyertai, melibatkan diri, merebut peluang terhadap program, projek, bantuan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh Kementerian. Tumpuan semestinya akan diberikan kepada pembangunan modal insan luar bandar bagi **menjana pendapatan yang lebih untuk menangani kos sara hidup seperti program Mobilepreneur, aktiviti ekonomi tambahan, keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan di luar bandar.**

6. Bertitik tolak dari itu, Kementerian amat memandang berat soal pendidikan dan mencipta peluang pekerjaan. Sesungguhnya, program persijilan kemahiran ini amat bermakna dalam usaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui KEMAS untuk meningkatkan lagi mutu kemahiran bagi menjana pendapatan rakyat di luar bandar.

Para Hadirin Sekalian,

Transformasi Pendidikan Kemahiran KEMAS

7. Sejak tahun 1961, KEMAS telah melalui pelbagai peringkat transformasi daripada pelaksanaan kelas pelajaran dewasa yang bertujuan membasmi buta huruf, sehinggalah kepada penekanan pembangunan modal insan melalui pendidikan non formal dan pendidikan sepanjang hayat. KEMAS juga berperanan sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat bagi membangunkan masyarakat luar bandar supaya mencapai kualiti hidup yang baik dan tidak tersisih daripada arus perdana pembangunan.

8. Manakala, penglibatan masyarakat luar bandar dalam program kemasyarakatan seperti aktiviti penambahan pendapatan di bawah Program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga dalam bidang masakan serta pendidikan kemahiran telah bermula sejak tahun 1970an. Kerajaan sentiasa memandang serius untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya masyarakat di luar bandar dengan menyediakan pelbagai program latihan dan peningkatan kemahiran diri bertujuan untuk membantu golongan belia, suri rumah dan masyarakat setempat

supaya lebih berdikari. Oleh yang demikian, aspek latihan perlu diberi penekanan supaya kemahiran yang ada dapat dipertingkatkan.

9. Ini selaras dengan **Transformasi Pendidikan Kemahiran KEMAS** yang telah dilancarkan pada 14 Oktober 2016 yang lalu yang terdiri daripada 4 strategi iaitu :

- i. Kursus Kemahiran Jangka Pendek 'Quick Win';
- ii. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai Technical dan Vocational Education and Training (TVET);
- iii. Kemahiran Berasaskan Keusahawanan Atas Talian; dan
- iv. Tenaga Pengajar Yang Diiktiraf

10. Dengan tumpuan kepada **kursus berbentuk 'Quick Win' dan impak segera, sejumlah 511 orang peserta telah mengikutinya** pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, **171 peserta atau 33.5% telah mempunyai tambahan pendapatan** hasil dari kursus yang mereka hadiri yang merangkumi bidang jahitan, masakan, dandanannya diri, seni tangan dan komputer. **Pada tahun ini pula, sejumlah RM5.1 juta telah diperuntukkan** bagi pelaksanaan kursus Quick Win yang melibatkan penyertaan peserta **seramai 3,840 orang**.

11. Disamping itu juga, bagi pelaksanaan SKM-PPT pada tahun ini KEMAS telah **diperuntukkan sebanyak RM850,000.00** melibatkan pelaksanaannya di seluruh negeri. **Sejumlah 710 orang masyarakat luar bandar berpeluang mengikuti persijilan ini.**

12. Lebih ramai rakyat menceburkan diri dalam bidang keusahawanan merupakan impian YAB Perdana Menteri. Beliau telah memperkenalkan Model Ekonomi Baru negara yang berteraskan inovasi, kreativiti dan berpengetahuan tinggi. Matlamat akhir kerajaan ialah untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Inilah yang sebenarnya diharapkan oleh kerajaan, iaitu untuk mewujudkan lebih ramai modal insan yang berwawasan, berpotensi, inovatif, kompetitif dan berkualiti dalam mencapai visi negara maju menjelang 2020.

13. Untuk berjaya dalam bidang masing-masing, saudara dan saudari perlu ada keberanian untuk mencuba sesuatu yang baharu. Jangan kekal dalam zon selesa

(atau *comfort zone*) masing-masing. Kita perlu sentiasa mencari cabaran yang baharu untuk meningkatkan diri kita dari tahap sedia ada ke satu tahap yang lebih tinggi. Cabaran baharu ini boleh datang dalam pelbagai bentuk samada tugas yang baharu, kerjaya yang baharu, ilmu yang baharu, atau tempat kerja yang baharu. Jangan lari dari cabaran, malah hadapinya dengan bersungguh-sungguh. Dan apabila cabaran itu telah berjaya dihadapi, saudara dan saudari akan menjadi seorang insan yang lebih baik dari sebelumnya.

PENUTUP

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan **tahniah dan syabas kepada semua penerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-PPT)**. Adalah menjadi harapan saya supaya program ini dapat terus dilaksanakan dan berkesinambungan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.